

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[NIBONG TEBAL]**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan syarat-syarat serta prosedur-prosedur pentadbiran yang perlu dipenuhi oleh pemohon untuk mendapat kelulusan penubuhan koperasi dan jangka waktu yang ditetapkan untuk mendapat sijil pendaftaran koperasi.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan kepada masyarakat untuk menubuhkan koperasi. Syarat-syarat dan prosedur pentadbiran yang perlu dipenuhi oleh pemohon untuk menubuhkan sebuah koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 adalah seperti berikut:

- i. Bakal anggota adalah Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Bagi koperasi sekolah, telah mencapai umur 12 belas tahun;
- ii. Tidak bercacat-cela di sisi Undang-undang atau gila atau mufliis dan tidak disabitkan sesuatu kesalahan jenayah;
- iii. Minimum bakal anggota adalah seramai 50 orang. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, Suruhanjaya boleh mendaftarkan sesuatu koperasi sebagai koperasi asas selepas mengambil kira bilangan orang dalam kawasan operasi yang dicadangkan, jenis aktiviti-aktiviti yang dicadangkan, dan jika koperasi itu terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang;
- iv. Fi pendaftaran sebanyak RM100.00 (koperasi sekolah dikecualikan fi);
- v. Menggunakan Undang-Undang Kecil seragam yang disediakan oleh SKM; dan
- vi. Mengemukakan semua dokumen yang berkenaan dalam tempoh satu bulan selepas mesyuarat agung permulaan.

## **Prosedur-Prosedur penubuhan/pendaftaran koperasi**

- a) Permohonan untuk menubuhkan koperasi hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri melalui pejabat SKM Wilayah/Daerah. Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian melalui Sistem Aplikasi Atas Talian SKM. Kelulusan penubuhan juga boleh dimuat turun dari sistem Aplikasi Atas Talian SKM.
  
- b) Selepas mendapat kelulusan penubuhan daripada Pengarah SKM Negeri, Jawatankuasa Penaja yang terdiri daripada sekurang-sekurangnya sepuluh orang hendaklah dibentuk. Antara fungsi Jawatankuasa Penaja adalah:
  - i. Mengenalpasti aktiviti keperluan bersama anggota yang akan dijalankan;
  - ii. Menyediakan Undang-undang Kecil koperasi dengan mengikut contoh Undang-Undang Kecil seragam yang disediakan oleh SKM dengan ubahsuai yang diperlukan;
  - iii. Menyediakan aturan-aturan kegiatan yang termasuk dalam objektif penubuhan koperasi;
  - iv. Mendaftarkan bakal anggota dalam satu daftar dengan memasukkan nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat masing-masing. Jawatankuasa Penaja hendaklah memastikan sekurang-kurangnya lima puluh orang telah mendaftar diri untuk menjadi anggota sebelum mesyuarat agung permulaan ditetapkan; dan

- v. Mengatur sesi penerangan kepada bakal anggota koperasi oleh SKM.
  
- c) Selepas sesi penerangan, Jawatankuasa penaja hendaklah menetapkan satu tarikh bagi mengadakan mesyuarat agung permulaan koperasi. Dokumen-dokumen bagi mendaftarkan koperasi perlu dihantar kepada SKM Negeri seperti berikut:
  - i. Borang Permohonan Pendaftaran Koperasi;
  - ii. Undang-undang kecil Koperasi; dan
  - iii. Minit Mesyuarat Agung Permulaan.
  
- d) SKM Negeri akan mengemukakan dokumen lengkap ke Ibu Pejabat untuk pendaftaran koperasi. Jangka waktu untuk proses penubuhan sehingga mendapat perakuan pendaftaran koperasi adalah tidak melebihi 28 hari dengan syarat semua maklumat dan dokumen adalah lengkap.